

CNS4753

U EB 07-10 00191 BB009

aab

ASEAN AKAN JADI KUMPULAN EKONOMI, KATA MAHATHIR
MEA - Mahathir (Asean)

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa negara-negara Asean agar idak berganjak daripada menjadi sebuah kumpulan ekonomi, dan berkata sektor swasta mesti menjadi penggerak utama kemajuan rantau ini.

Sambil mengakui bahawa kumpulan itu lebih berjaya bekerjasama dalam isu-isu politik, bagaimanapun katanya, kumpulan itu mungkin menjadi sebuah kumpulan ekonomi, walaupun bukan dalam tempoh yang dekat.

Ketika merasmikan mesyuarat ke-23 Menteri Ekonomi Asean (MEA) di sini, katanya, sektor swasta Asean tidak seharusnya terus berpandangan sempit tetapi mesti menunjukkan ketegasan dan dinamis sebagai penggerak utama kemajuan rantau ini.

Dunia, katanya, kini bergerak ke arah pengeluaran yang bersifat keduniaan di mana tempat dan kenegaraan memberi jalan kepada keberkesanan dan persaingan yang menguntungkan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata dasar-dasar ekonomi yang liberal yang dilaksanakan oleh negara-negara Asean bermakna sektor swasta dikehendaki memainkan peranan yang lebih besar dalam memajukan kerjasama perdagangan dan ekonomi.

Katanya, sektor swasta Asean mesti menyediakan diri untuk menghadapi cabaran dengan memperluaskan hubungan dan rangkaian sesama mereka. -- Lagi

▼07/10/12-25MST

R EB 07-10 00198 BB010

aab

MEA - Mahathir (ASEAN) 2 KUALA LUMPUR

Katanya industri Asean mesti meningkatkan keberkesanan dan sifat saingan mereka jika ingin terus wujud dan berjaya.

Ini kerana mereka tidak dapat bergantung selama-lamanya kepada pasaran tempatan yang dilindungi ketika negara Asean bergerak untuk memperluaskan pasarannya dengan mengurangkan halangan tarif dan bukan-tariff, katanya.

Industri-industri ini mesti bersedia menghadapi cabaran dan peluang yang akan wujud hasil daripada kerjasama ekonomi Asean yang berkembang, katanya.

Sambil menyebut skala ekonomi bergantung kepada pasaran, Datuk Seri Dr Mahathir berkata walaupun pasaran masing-masing negara Asean dapat menyokong beberapa industri, tetapi ada industri yang mungkin berdaya maju dan mampu bersaing sekiranya pasaran itu meliputi seluruh Asean.

+Bagi industri-industri ini, negara-negara Asean mesti bersedia untuk berkongsi pasaran. Pertindihan dalam industri seumpama itu di semua negara Asean akan hanya mengurangkan daya maju dan sifat persaingannya,+ katanya.
-- Lagi

▼07/10/12-40MST

R EB 07-10 00136 BB011

aab

· MEA - Mahathir (ASEAN) 3 KUALA LUMPUR (akhir)

Ketika merujuk kepada industri-industri kecil dan pertengahan (SMI), yang memainkan peranan sokongan kepada industri besar, katanya, pengeluaran yang tidak berkesan akan menjejaskan kos industri besar-besaran.

Perdana Menteri berpendapat adalah lebih baik di peringkat awal untuk menempatkan industri tertentu kepada setiap anggota Asean, sama ada industri besar atau SMI.

+Apabila pasaran dalam setiap negara meningkat secukupnya dan industri yang dimajukan oleh negara berkenaan masih berdaya maju, maka negara itu bolehlah meneruskan industri yang dilaksanakan itu sebagai industrinya sendiri,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga tidak puas hati dengan bilangan kecil projek usaha sama Asean walaupun telah dibentuk Usahasama Perindustrian Asean dan Pelengkap Jenama-ke-Jenama dan keistimewaan yang diberikan kepada barangan di bawah Peraturanan Keistimewaan Perdagangan. -- Bernama

♥07/10/12-55MST